



19 Disember 2025
19 December 2025
P.U. (A) 445

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(WAKAF) 2025

*ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) (WAKAF) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (WAKAF) 2025

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA WAKAF

3. Keanggotaan Jawatankuasa Wakaf
4. Setiausaha
5. Pembatalan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan
6. Kesan pembatalan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan
7. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf
8. Minit

BAHAGIAN III

KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN PENDAFTAR WAKAF

9. Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf
10. Tanggungjawab Ketua Pendaftar Wakaf
11. Daftar Wakaf
12. Pendaftaran wakaf

BAHAGIAN IV
PELANTIKAN MUTAWALLI, QAYYIM DAN PENTADBIR

Kaedah

13. Mutawalli dan qayyim
14. Tanggungjawab mutawalli dan qayyim
15. Pentadbir

BAHAGIAN V
RUKUN DAN SYARAT WAKAF

16. Rukun wakaf
17. Syarat waqif
18. Syarat mawquf
19. Syarat mawquf 'alaih
20. Syarat sighth
21. Permulaan kuat kuasa wakaf
22. Wakaf tidak sah

BAHAGIAN VI
KAEDAH WAKAF

23. Wakaf *muabbad*
24. Wakaf *muaqqat*
25. Wakaf secara ta'liq
26. Wakaf secara wasiat
27. Waris dan bukan waris sebagai mawquf 'alaih
28. Wakaf tunai
29. Produk atau skim wakaf

BAHAGIAN VII

MAWQUF

Kaedah

30. Pembangunan mawquf
31. Istibdal
32. Hak waqif untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf
33. Majlis sebagai mawquf 'alaih
34. Mawquf bagi wakaf khas terbiar

BAHAGIAN VIII

KUMPULAN WANG WAKAF DALAM BAITULMAL

35. Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada kumpulan wang wakaf

BAHAGIAN IX

PENENTUAN HUKUM SYARAK

36. Rujukan kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak

BAHAGIAN X

KESALAHAN DAN PENALTI

37. Memungut, menguruskan atau mengagihkan wakaf 'am atau wakaf khas tanpa kebenaran Jawatankuasa Wakaf

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (WAKAF) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 61A(3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Wakaf” ertinya suatu daftar yang disimpan dan disenggara di bawah kaedah 11;

“kumpulan wang wakaf” ertinya kumpulan wang wakaf yang terdiri daripada semua wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa hasil yang diperoleh daripada mawquf atau melalui istibdal sama ada diakaunkan dalam akaun wakaf ‘am atau akaun wakaf khas yang menjadi sebahagian daripada Baitulmal;

“marad-al-maut” ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat yang berikut:

- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
- (b) penyakit itu menyebabkan takut akan kematian dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran;
- (c) penyakit itu mempunyai beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
- (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;

“waqif” ertinya mana-mana orang yang memberikan dan menyerahkan hartanya sebagai suatu wakaf;

“waris” ertinya orang yang berhak mewarisi sesuatu harta pusaka menurut Hukum Syarak.

BAHAGIAN II JAWATANKUASA WAKAF

Keanggotaan Jawatankuasa Wakaf

3. (1) Jawatankuasa Wakaf yang ditubuhkan di bawah subseksyen 61A(1) Akta hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis dalam kalangan anggota Majlis;
- (b) Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (c) Setiausaha Majlis;

- (d) Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji atau wakilnya;
- (e) Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan;
- (f) Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan atau wakilnya;
dan
- (g) sekurang-kurangnya tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Majlis dalam kalangan orang Islam yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan wakaf atau apa-apa bidang lain yang boleh menyumbang kepada pembangunan wakaf.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) dan (g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(3) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut di bawah perenggan (1)(f) bukan orang Islam, Majlis hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam dan yang kanan selepasnya dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk menjadi anggota Jawatankuasa Wakaf bagi menggantikan orang itu.

Setiausaha

4. (1) Pegawai Majlis yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal wakaf hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Wakaf.

(2) Setiausaha Jawatankuasa Wakaf hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar, arahan dan keputusan Jawatankuasa Wakaf.

(3) Setiausaha Jawatankuasa Wakaf hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Wakaf dan boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak untuk mengundi.

Pembatalan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan

5. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Wakaf yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(a) dan (g).

(2) Anggota Jawatankuasa Wakaf yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(a) dan (g) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Setiausaha Majlis.

(3) Seseorang anggota Jawatankuasa Wakaf yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(a) dan (g) hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan suatu kesalahan jenayah;
- (c) dia dihukum sebagai bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (d) dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya.

Kesan pembatalan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan

6. Seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 3(1)(a) dan (g) hendaklah terhenti menjadi seorang anggota Jawatankuasa Wakaf jika pelantikannya dibatalkan, anggota itu meletakkan jawatannya atau disifatkan telah mengosongkan jawatannya, dan Majlis boleh melantik seorang yang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh berbaki anggota yang mengosongkan jawatan itu.

Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf

7. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa Wakaf hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa Wakaf atas arahan Pengerusi dengan menyampaikan suatu notis bertulis kepada anggota Jawatankuasa Wakaf sekurang-kurangnya lima hari bekerja sebelum mesyuarat.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Pengerusi boleh, jika dia berpandangan bahawa terdapat keperluan mendesak, memanggil mesyuarat dengan notis yang lebih singkat.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu dan anggota itu boleh menjalankan segala kuasa Pengerusi berhubung dengan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa Wakaf hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun.

(5) Enam orang anggota Jawatankuasa Wakaf yang hadir hendaklah membentuk kuorum dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Wakaf.

(6) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa Wakaf hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak untuk mengundi, dan jika terdapat persamaan undi, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa Wakaf untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Jawatankuasa Wakaf bagi maksud menasihati Jawatankuasa Wakaf mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(8) Semua keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Jawatankuasa Wakaf hendaklah dilaporkan kepada Majlis.

Minit

8. (1) Semua minit mesyuarat Jawatankuasa Wakaf hendaklah disenggara dan disimpan oleh Setiausaha Jawatankuasa Wakaf.

(2) Apa-apa minit mesyuarat Jawatankuasa Wakaf yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Wakaf hendaklah diterima dalam apa-apa prosiding sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

BAHAGIAN III

KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN PENDAFTAR WAKAF

Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf

9. (1) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Ketua Pendaftar Wakaf.

(2) Majlis boleh melantik apa-apa bilangan Pendaftar Wakaf sebagaimana yang Majlis fikirkan perlu untuk membantu Ketua Pendaftar Wakaf dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa Majlis di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pendaftar Wakaf, seseorang Pendaftar Wakaf boleh menjalankan apa-apa kuasa Ketua Pendaftar Wakaf di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Tanggungjawab Ketua Pendaftar Wakaf

10. Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah bertanggungjawab untuk—

(a) mendaftarkan semua mawquf yang diwujudkan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

- (b) menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi semua mawquf dalam apa-apa bentuk atau mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis;
- (c) menyimpan dan memegang semua surat cara, dokumen hakmilik atau dokumen lain yang berhubungan dengan mana-mana mawquf;
- (d) menyenggara data dan maklumat berkaitan dengan mawquf, mutawalli dan qayyim; dan
- (e) melaksanakan apa-apa kewajipan yang diarahkan oleh Jawatankuasa Wakaf.

Daftar Wakaf

11. (1) Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Wakaf.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Daftar Wakaf hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir mawquf yang Majlis sebagai pemegang amanah tunggal atau mawquf 'alaih;
- (b) butir-butir waqif;
- (c) butir-butir mawquf 'alaih;
- (d) butir-butir mutawalli dan qayyim; dan
- (e) butir-butir lain yang berhubungan dengan wakaf yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Ketua Pendaftar Wakaf.

Pendaftaran wakaf

12. (1) Seseorang yang ingin menyerahkan hartanya sebagai suatu wakaf boleh memohon bagi pendaftaran wakaf itu kepada Jawatankuasa Wakaf mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Wakaf.

(2) Jawatankuasa Wakaf boleh menentukan jenis harta yang tidak perlu didaftarkan sebagai suatu wakaf.

(3) Jika Jawatankuasa Wakaf berpuas hati bahawa permohonan di bawah subkaedah (1) telah mematuhi rukun dan syarat wakaf di bawah Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa Wakaf boleh meluluskan permohonan itu dan mengarahkan Ketua Pendaftar Wakaf untuk mendaftarkan wakaf itu dalam Daftar Wakaf.

(4) Jawatankuasa Wakaf boleh menyebabkan suatu wakaf didaftarkan dalam Daftar Wakaf.

BAHAGIAN IV

PELANTIKAN MUTAWALLI, QAYYIM DAN PENTADBIR

Mutawalli dan qayyim

13. (1) Tiada seorang pun boleh memungut, menerima, mengurus, mentadbir atau membangunkan mawquf, atau mengagihkan manfaat mawquf, bagi pihak Majlis di Wilayah-Wilayah Persekutuan melainkan jika dia telah dilantik sebagai mutawalli atau qayyim, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Jawatankuasa Wakaf.

(2) Mana-mana mutawalli atau qayyim yang hendak mengagihkan mana-mana mawquf di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Wakaf.

(3) Mana-mana syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain layak memohon untuk dilantik sebagai mutawalli atau qayyim jika mana-mana syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu berdaftar di Malaysia dan menjalankan aktiviti atau perniagaan yang tidak bertentangan dengan

Hukum Syarak dan permohonan hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa Wakaf mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Wakaf.

(4) Jawatankuasa Wakaf boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mutawalli atau qayyim.

Tanggungjawab mutawalli dan qayyim

14. (1) Mutawalli hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan semua fungsi yang berikut:

- (a) memungut dan menerima apa-apa mawquf;
- (b) mengurus, mentadbir dan membangunkan apa-apa mawquf; dan
- (c) mengagihkan apa-apa manfaat mawquf.

(2) Mutawalli boleh mewujudkan apa-apa produk wakaf dengan kelulusan Jawatankuasa Wakaf.

(3) Qayyim hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana satu atau dua fungsi yang berikut:

- (a) memungut dan menerima apa-apa mawquf;
- (b) mengurus, mentadbir dan membangunkan apa-apa mawquf; atau
- (c) mengagihkan apa-apa manfaat mawquf.

(4) Mutawalli dan qayyim hendaklah melaporkan semua aktiviti yang dilaksanakan kepada Jawatankuasa Wakaf.

Pentadbir

15. (1) Seseorang waqif boleh, dengan kelulusan Jawatankuasa Wakaf, melantik mana-mana orang sebagai pentadbir untuk menguruskan mawqufnya.

(2) Seseorang itu layak untuk menjadi pentadbir jika—

(a) dalam hal seorang individu—

(i) dia beragama Islam;

(ii) dia telah mencapai umur lapan belas tahun; dan

(iii) dia merupakan warganegara Malaysia; dan

(b) dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, ia berdaftar di Malaysia dan menjalankan aktiviti atau perniagaan yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

(3) Seseorang waqif boleh, dengan kelulusan Jawatankuasa Wakaf, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan pentadbir.

BAHAGIAN V

RUKUN DAN SYARAT WAKAF

Rukun wakaf

16. Rukun wakaf adalah seperti yang berikut:

(a) waqif;

(b) mawquf;

(c) mawquf 'alaih; dan

(d) sighth.

Syarat waqif

17. Seseorang waqif hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

(a) dalam hal seorang individu—

(i) dia telah mencapai umur lapan belas tahun;

(ii) dia seorang yang sempurna akal;

(iii) dia tidak dihukum sebagai bankrap yang belum dilepaskan; dan

(iv) bertindak dengan kerelaannya sendiri; dan

(b) dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain—

(i) ia diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia atau di luar Malaysia;

(ii) ia tidak digulungkan atau pendaftarannya tidak dibatalkan atau ditarik balik, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(iii) ia tidak menjalankan aktiviti atau perniagaan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Syarat mawquf

18. (1) Sesuatu mawquf hendaklah suatu harta yang—

(a) dimiliki secara sempurna oleh waqif;

- (b) boleh dipindah milik atau diserahkan hak tanpa apa-apa sekatan; dan
- (c) boleh memberikan apa-apa manfaat, keuntungan atau kepentingan kepada mawquf 'alaih pada masa wakaf itu diwujudkan atau masa akan datang.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), harta itu hendaklah disifatkan telah dimiliki sepenuhnya oleh waqif, jika waqif dibenarkan secara sah untuk membuat apa-apa transaksi atau urusan niaga berkenaan dengan harta itu.

Syarat mawquf 'alaih

19. (1) Dalam hal suatu wakaf 'am, mana-mana orang layak menjadi mawquf 'alaih bagi sesuatu mawquf.

(2) Dalam hal suatu wakaf khas, seorang mawquf 'alaih hendaklah memenuhi syarat khusus yang dinyatakan oleh waqif.

(3) Dalam hal suatu wakaf khas—

(a) yang mempunyai lebih daripada seorang mawquf 'alaih dan waqif tidak menentukan bahagian mereka masing-masing terhadap manfaat, keuntungan atau kepentingan mawquf itu, manfaat, keuntungan atau kepentingan itu hendaklah dibahagikan oleh Majlis kepada mawquf 'alaih; atau

(b) jika mawquf 'alaih ialah asnaf yang layak menerima zakat, manfaat, keuntungan atau kepentingan mawquf itu hendaklah dibahagikan oleh Majlis mengikut hasrat waqif.

Syarat sighah

20. Sighah wakaf boleh dibuat sama ada secara lisan, bertulis atau isyarat di hadapan dua orang saksi mengikut Hukum Syarak.

Permulaan kuat kuasa wakaf

21. (1) Tertakluk kepada subkaedah 26(1), sesuatu wakaf hendaklah mula berkuat kuasa apabila semua rukun dan syarat wakaf telah dipenuhi.

(2) Jika sesuatu wakaf telah mula berkuat kuasa, mawquf tidak boleh dijual, digadai, dipindah milik atau diberikan sebagai hibah, dibatalkan oleh waqif atau diwarisi sebagai harta pusaka.

(3) Bagi suatu wakaf *muaqqat*, larangan di bawah subkaedah (2) adalah terpakai semasa tempoh wakaf yang ditetapkan oleh waqif.

Wakaf tidak sah

22. Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika wakaf itu dibuat—

(a) bagi apa-apa tujuan maksiat;

(b) bagi manfaat, faedah atau kepentingan diri sendiri semata-mata; atau

(c) bertentangan dengan Hukum Syarak.

BAHAGIAN VI
KAEDAH WAKAF

Wakaf *muabbad*

23. Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf *muabbad* bagi hartanya secara berkekalan.

Wakaf *muaqqat*

24. Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf *muaqqat* bagi hartanya secara sementara mengikut Hukum Syarak.

Wakaf secara ta'liq

25. (1) Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf secara ta'liq yang hendaklah mula berkuat kuasa apabila berlakunya syarat yang dinyatakan oleh waqif itu semasa hayatnya dengan syarat bahawa syarat itu tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

(2) Suatu wakaf secara ta'liq adalah tidak sah jika waqif itu meninggal dunia sebelum syarat yang dinyatakan dalam ta'liq itu dipenuhi.

(3) Jika seseorang waqif mewujudkan suatu wakaf secara ta'liq kepada warisnya untuk disempurnakan selepas kematiannya, wakaf itu hendaklah tertakluk kepada persetujuan semua waris selepas kematian waqif.

(4) Sekiranya seseorang waqif mewujudkan suatu wakaf secara ta'liq kepada bukan waris supaya disempurnakan selepas kematiannya, wakaf itu tidak boleh melebihi satu pertiga daripada harta waqif setelah ditolak hutang dan apa-apa tanggungan mengikut Hukum Syarak melainkan dengan persetujuan semua waris.

Wakaf secara wasiat

26. (1) Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf secara wasiat dan melantik wasi untuk melaksanakan atau menyempurnakan wakaf secara wasiat itu selepas kematiannya.

(2) Wasi hendaklah dilantik oleh waqif dalam kalangan orang Islam, badan atau syarikat yang diharuskan oleh Hukum Syarak dan wasi itu hendaklah menyempurnakan wakaf itu selepas kematian waqif.

(3) Jika tiada wasi dilantik oleh waqif, mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon kepada Mahkamah bagi pelantikan wasi.

(4) Wakaf secara wasiat kepada waris hendaklah tertakluk kepada persetujuan semua waris.

(5) Wakaf secara wasiat kepada bukan waris hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta waqif setelah ditolak hutang dan apa-apa tanggungan mengikut Hukum Syarak melainkan dengan persetujuan semua waris.

(6) Jika seseorang waqif menyerahkan hartanya sebagai suatu wakaf kepada warisnya di bawah subkaedah (4) atau kepada bukan warisnya melebihi satu pertiga daripada hartanya di bawah subkaedah (5), wasi hendaklah, selepas kematian waqif, mendapatkan persetujuan semua waris bagi maksud melaksanakan wakaf secara wasiat itu.

(7) Jika wasi tidak melaksanakan wakaf secara wasiat itu selepas kematian waqif, mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon suatu perintah Mahkamah terhadap wasi bagi melaksanakan wakaf secara wasiat itu.

(8) Apabila perintah pelaksanaan yang disebut dalam subkaedah (7) itu diterima, wasi hendaklah melaksanakan wakaf mengikut wasiat itu.

(9) Bagi maksud kaedah ini—

(a) “orang yang berkepentingan” ertinya mana-mana orang yang mempunyai kepentingan terhadap suatu mawquf secara wasiat;

(b) “wasi” ertinya seseorang pelaksana wakaf secara wasiat yang dilantik melalui wasiat atau dilantik oleh Mahkamah.

Waris dan bukan waris sebagai mawquf ‘alaih

27. (1) Seseorang waqif boleh menamakan waris atau bukan warisnya sebagai mawquf ‘alaih.

(2) Dalam hal waris sebagai mawquf ‘alaih, jika waqif menyerahkan hartanya sebagai suatu mawquf dalam keadaan marad-al-maut, wakaf itu adalah sah tertakluk kepada persetujuan semua waris mengikut Hukum Syarak.

(3) Dalam hal bukan waris sebagai mawquf 'alaih, jika waqif menyerahkan lebih daripada satu pertiga hartanya sebagai suatu mawquf, wakaf itu adalah sah tertakluk kepada persetujuan semua waris mengikut Hukum Syarak.

Wakaf tunai

28. (1) Majlis, mutawalli dan qayyim boleh menerima wakaf tunai daripada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi bagi maksud wakaf 'am atau wakaf khas.

(2) Bagi maksud kaedah ini, "wakaf tunai" ertinya penyerahan apa-apa wang tunai, nilai emas, nilai hasil atau yang seumpamanya oleh mana-mana orang bagi maksud wakaf 'am atau wakaf khas.

Produk atau skim wakaf

29. Jawatankuasa Wakaf boleh menubuhkan apa-apa produk atau skim wakaf, atau meluluskan mana-mana orang untuk menubuhkan apa-apa produk atau skim wakaf tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Wakaf.

BAHAGIAN VII

MAWQUF

Pembangunan mawquf

30. Mana-mana mawquf yang didaftarkan dalam Daftar Wakaf boleh dibangunkan atau disenggara dengan menggunakan sumber yang berikut:

- (a) kumpulan wang wakaf;
- (b) Baitulmal tertakluk kepada kelulusan Majlis; atau
- (c) apa-apa sumber lain mengikut Hukum Syarak.

Istibdal

31. (1) Tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan kelulusan Majlis, Jawatankuasa Wakaf boleh melaksanakan istibdal, sama ada sebahagian atau keseluruhannya dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) jika kegunaan mawquf tidak memberikan apa-apa manfaat, keuntungan atau kepentingan sebagaimana yang dihasratkan oleh waqif;
- (d) jika kegunaan mawquf tidak menepati maksud atau syarat yang dinyatakan oleh waqif;
- (e) jika Majlis perlu untuk melaksanakan istibdal bagi masjid atau tapak masjid yang telah menjadi mawquf;
- (f) jika mana-mana syarat yang telah dinyatakan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang dinyatakan oleh waqif; atau
- (g) hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Wakaf.

(2) Nilai mawquf yang diperoleh melalui istibdal hendaklah tidak kurang daripada nilai semasa mawquf asal.

(3) Majlis hendaklah melaksanakan istibdal apa-apa mawquf sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dalam tempoh yang munasabah dengan sewajarnya.

(4) Jika melibatkan harta tak alih yang dibuktikan melalui dokumen hakmilik yang dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828] atau undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa, Pendaftar, selepas menerima permohonan secara bertulis daripada Majlis tentang pewujudan wakaf secara istibdal hendaklah, melaksanakan peletakhakan atau pindah milik harta tak alih itu ke atas Majlis sebagai pemegang amanah tunggal, dan jika berkaitan, perkataan “wakaf” hendaklah diendors dalam dokumen hakmilik itu.

(5) Bagi maksud pelaksanaan istibdal yang berhubungan dengan mana-mana harta tak alih, Kanun Tanah Negara hendaklah terpakai.

(6) Bagi maksud kaedah ini, “Pendaftar” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya di bawah Kanun Tanah Negara.

Hak waqif untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf

32. Seseorang waqif yang mewujudkan suatu wakaf untuk kegunaan umum berhak untuk menikmati manfaat, faedah atau kepentingan mawquf itu.

Majlis sebagai mawquf 'alaih

33. Majlis boleh menjadi mawquf 'alaih bagi apa-apa mawquf yang terletak di dalam atau di luar Wilayah Persekutuan.

Mawquf bagi wakaf khas terbiar

34. Jawatankuasa Wakaf boleh, setelah merujuk kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, mengurus dan membangunkan mawquf bagi wakaf khas yang terbiar mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN VIII
KUMPULAN WANG WAKAF DALAM BAITULMAL

Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada kumpulan wang wakaf

35. Kumpulan wang wakaf hendaklah dibelanjakan mengikut Hukum Syarak bagi maksud—

- (a) membayar segala kos, caj dan perbelanjaan mentadbir mana-mana wakaf termasuk kos menyenggara dan memperbaiki mana-mana mawquf;
- (b) membeli apa-apa harta sebagai suatu wakaf;
- (c) membiayai pembangunan apa-apa wakaf dan melaksanakan tujuan apa-apa wakaf tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Majlis;
- (d) membayar perbelanjaan pengurusan termasuk elaun bagi anggota-anggota Jawatankuasa Wakaf;
- (e) membayar apa-apa perbelanjaan yang berhubungan dengan pengurusan kumpulan wang wakaf itu yang dilakukan oleh Majlis dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- (f) membuat pelaburan di bawah skim wakaf; atau
- (g) membuat apa-apa perbelanjaan lain berkaitan dengan wakaf yang difikirkan sesuai oleh Majlis dalam melaksanakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IX
PENENTUAN HUKUM SYARAK

Rujukan kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak

36. Jawatankuasa Wakaf hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak untuk pendapatnya berhubung dengan apa-apa persoalan mengenai Hukum Syarak yang berhubungan dengan wakaf.

BAHAGIAN X
KESALAHAN DAN PENALTI

Memungut, menguruskan atau mengagihkan wakaf 'am atau wakaf khas tanpa kebenaran Jawatankuasa Wakaf

37. Mana-mana orang yang memungut, menguruskan atau mengagihkan wakaf 'am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Wakaf melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam kumpulan wang wakaf.

Dibuat 18 November 2025
[JAKIM. (S).BUU.600-1/2/1(2); PN(PU2)530/JLD.19]

Dengan Titah Perintah

SYED KAMARULZAMAN BIN SYED KABEER
Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW (FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) (*WAKAF*) RULES 2025

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

WAKAF COMMITTEE

3. Membership of *Wakaf* Committee
4. Secretary
5. Revocation, resignation and vacation of office
6. Effect of revocation, resignation and vacation of office
7. Meetings of *Wakaf* Committee
8. Minutes

PART III

CHIEF REGISTRAR OF *WAKAF* AND REGISTRAR OF *WAKAF*

9. Chief Registrar of *Wakaf* and Registrar of *Wakaf*
10. Responsibilities of Chief Registrar of *Wakaf*
11. Register of *Wakaf*
12. Registration of *wakaf*

PART IV
APPOINTMENT OF *MUTAWALLI*, *QAYYIM* AND ADMINISTRATOR

Rule

13. *Mutawalli* and *qayyim*
14. Responsibilities of *mutawalli* and *qayyim*
15. Administrator

PART V
RUKUN AND CONDITIONS OF *WAKAF*

16. *Rukun* of *wakaf*
17. Conditions of *waqif*
18. Conditions of *mawquf*
19. Conditions of *mawquf 'alaih*
20. Conditions of *sighah*
21. Commencement of *wakaf*
22. Invalid *wakaf*

PART VI
METHODS OF *WAKAF*

23. *Wakaf muabbad*
24. *Wakaf muaqqat*
25. *Wakaf* by way of *ta'liq*
26. *Wakaf* by way of will
27. Heir and non-heir as *mawquf 'alaih*
28. Cash *wakaf*
